

25/04/2001

Polis akan dapat senjata lebih canggih

PENKALAN KUBUR, Selasa - Kerajaan akan meningkatkan latihan serta menambah peralatan canggih kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menjamin keamanan dan keselamatan negara, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kemahiran yang tinggi serta peralatan canggih amat penting kerana penjenayah dan puak yang mengancam keselamatan negara juga semakin hebat.

"Mereka (penjenayah) menggunakan alat-alat dan senjata yang hebat, mungkin mereka juga akan menggunakan alat komunikasi ICT yang hebat juga, jadi PDRM mesti mampu menghadapi semua itu dengan kebolehan dan kecekapan yang lebih tinggi," katanya.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata demikian kepada pemberita selepas mendengar taklimat Ops Wawasan membabitkan kawasan sempadan Malaysia/Thailand di Kelantan di Pangkalan Polis Marin, di sini hari ini.

Turut hadir ialah, Penasihat Kementerian Kewangan, Datuk Mustapa Mohamed; Ketua Pengarah Relu, Hamzah Abdullah dan Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK), Ramli Abdul Rahman.

"Ini sajalah yang dapat kita buktikan kepada mereka yang ada niat untuk mengancam negara dengan membuat kacau, inilah amaran kepada mereka supaya apa yang mereka lakukan itu tidak akan berjaya kerana pihak yang menjaga keamanan lebih berkeupayaan menghadapi mereka," katanya.

Mengenai usaha membanteras penyeludupan di kawasan sempadan, Abdullah berkata pasukan keselamatan yang terdiri daripada beberapa agensi termasuk polis, Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Imigresen dan Kastam akan terus memperhebatkan operasi dan kawalan supaya penyeludupan senjata api, dadah dan kemasukan pendatang tanpa izin dapat dihapuskan.

"Cubalah kita fikir kalaulah senjata api itu dibawa masuk begitu banyak kerana mereka (pasukan keselamatan) tidak kawal atau dadah masuk ke negara ini tanpa terkawal, ini akan membahayakan masyarakat, inilah yang kita tak mahu berlaku," katanya.

Ditanya mengenai anggota pasukan keselamatan yang diserang penyeludup ketika membuat rondaan di sempadan Malaysia/Thailand di Kelantan, Abdullah berharap anggota yang keluar menjalankan operasi sentiasa dalam keadaan cukup bersedia.

"Itu semua adalah bahaya yang akan mereka hadapi, kerja untuk membanteras penyeludupan bukan kerja senang," katanya.

Mengenai penguatkuasaan di Sungai Golok, yang menjadi sempadan Malaysia/Thailand di Kelantan, Abdullah berkata antara yang boleh digunakan ialah bot canggih yang dibina oleh Mara Shipyard yang mempunyai kelajuan 35 knot dengan kemampuan berhenti serta merta dan membuat pusingan 360 darjah.

Beliau berkata, penyediaan latihan serta banyak peralatan canggih kepada PDRM akan dilakukan melalui peruntukan RM10.8 bilion kepada sektor keselamatan berdasarkan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat semalam.

Abdullah berkata, kejayaan program dalam RMK8 bergantung kepada keamanan dan keselamatan negara.

"Kalau negara kita aman dan selamat, Insyaallah kita akan dapat menjayakan semua program itu seperti tahun-tahun dulu semasa kita juga

menikmati keamanan dan keselamatan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, keamanan dan keselamatan negara dihasilkan oleh pasukan keselamatan termasuk PDRM, Angkatan Tentera Malaysia dan agensi penguat kuasa lain.

"Walaupun kita menghadapi kegawatan ekonomi bermula 1998 tetapi negara kita masih berada dalam keadaan selamat dan politik masih stabil, oleh itu usaha pemulihan ekonomi kita berjaya," katanya.

Kerajaan menerima 12 daripada 20 bot berkenaan yang ditempah dari syarikat itu untuk digunakan di seluruh negara.

"Nak mengejar dan mengepung penyeludup kini lebih senang dengan bot yang canggih ini," katanya.

Beliau sebelum itu menyaksikan demonstrasi pergerakan bot canggih itu yang dinamakan "Penyengat 4" di muara Sungai Golok.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah berkata, sebanyak 20 kabin bergerak akan dibina untuk anggota pasukan keselamatan yang bertugas di sempadan.

Beliau berkata, kerajaan sentiasa mengambil berat kebajikan anggota pasukan keselamatan yang bertugas di sempadan.

(END)